



Ruj. Kami : JPA.600-5/4/50 (8)
Tarikh : 16 Januari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/
Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG
PEGAWAI TADBIR GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N36 yang layak dipertimbangkan permohonan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N36 **pada 31 Disember 2016 dan sebelum;**
- 2.2 Tidak hilang keananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2017 dan seterusnya;
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2022) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2020, 2021, 2022) tidak kurang **80%**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);

..2/

- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti di lampiran dan mengemukakannya kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Pihak BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat perkhidmatan pegawai ke dalam **Lampiran E** dan dihantar ke alamat e-mel seperti di perenggan 5. Manakala **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C, dan Lampiran D** hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut **sebelum atau pada 19 Februari 2024:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu memastikan **hanya permohonan yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan ini**. Selain itu, BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan agar semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat terkini yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

5. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pemangkuan Jawatan PPT Gred N40 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di Lampiran I untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- (i) Puan Haslina binti Awang Din - 03-8885 4351
haslina.din@jpa.gov.my
- (ii) Encik Muhd Syukor bin Abdul Hamid - 03-8885 4171
syukor.hamid@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN
JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N40
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

